



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPNS			

18 www.hmetro.com.my [@hmetro](https://twitter.com/hmetro) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetro](https://instagram.com/hmetro)

Isnin 27.09.2021 | **Harian Metro**

lokal

Seronok sekejap aje

56 pendaki kawasan Air Terjun Setinggi tanpa permit ditahan



SEMUA pendaki ditahan dan dibawa ke Balai Polis Kuala Kubu Bharu.

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Hulu Selangor

Seramai 56 pendaki yang mencari keseronokan dengan memasuki kawasan Air Terjun Setinggi, Serendah di sini, sebaliknya ditahan anggota Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Dalam operasi bermula jam 10 pagi hingga jam 4 petang kelmarin, semua individu berusia 19 hingga 33 tahun ditahan kerana memasuki kawasan air terjun tanpa permit.

Pengarahnya, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, operasi dilakukan sepasukan pegawai dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor bersama polis susulan aduan terdapat pendaki melalui rumah penduduk.

"Operasi ini lanjutan daripada rungutan penduduk yang mendakwa ramai pen-

daki mencerooboh ke kawasan Air Terjun Setinggi tanpa permit sah melalui kawasan kediaman mereka.

"Penduduk juga mendakwa pengunjung mengganggu kehidupan mereka dengan meletakkan kenderaan di tepi jalan dekat rumah sehingga merosakkan paip air, tong sampah dan meninggalkan sampah merata-rata," katanya, semalam.

Ahmad Fadzil berkata, ketika negeri ini masih di Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), pihaknya tidak mengeluarkan permit masuk bagi tujuan merentas hutan (*hiking*) atau lain-lain kegiatan rekreasi.

Susulan itu, katanya, memasuki hutan simpanan kekal tanpa permit sah adalah kesalahan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan).

"Semua 56 individu itu ditahan dan dibawa ke Balai Polis Kuala Kubu Bharu untuk tindakan lanjut," katanya.